

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : SUKPHG-1.100.1/3/1 JLD.2 (7)

Tarikh : 13 Jun 2024

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

SURAT PEKELILING YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BILANGAN 7 TAHUN 2024

PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA DI
BAWAH PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai penambahbaikan pengurusan Program Transformasi Minda (PTM) di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang sebagai satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan menggantikan Kursus Induksi.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sepertimana semua sedia maklum, PTM diperkenalkan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. PTM juga merupakan satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi sebagaimana digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012 yang masih berkuat kuasa. Permohonan untuk mengikuti PTM sebelum ini dilakukan secara bertulis bersama borang permohonan dan dihantar kepada Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

2.2 PTM penting bagi membangunkan modal insan secara holistik, merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh pegawai bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian. PTM diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam.

2.3 Objektif PTM adalah seperti berikut:

- (a) Memberi pendedahan kepada pegawai awam mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam;
- (b) Memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme pegawai awam supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam;
- (c) Menerapkan nilai budaya kerja cemerlang supaya pegawai awam dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan;
- (d) Menyediakan pegawai awam dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah memacu negara maju.

3. PEGAWAI YANG DISYARATKAN

- 3.1 Pegawai lantikan pertama pada atau selepas 1 Januari 2013 yang berkhidmat secara tetap dalam Perkhidmatan Awam; dan
- 3.2 Pegawai dalam tempoh percubaan dan belum menghadiri Kursus Induksi – Modul Umum.

4. PENAMBAHBAIKAN PERTAMA:

PENGECUALIAN MENGHADIRI PTM

- 4.1 Mesyuarat Panel Pengurusan Program Transformasi Minda Bilangan 1 Tahun 2023 pada 7 Jun 2023 (Rabu) telah menetapkan pengecualian hanya **DILULUSKAN** kepada pegawai yang telah hadir dengan jayanya PTM dalam tempoh lima (5) tahun sebelum tarikh lantikan jawatan baharu bagi memastikan pegawai mendapat maklumat dan pendedahan mengenai dasar-dasar Kerajaan terkini.
- 4.2 Pegawai yang telah hadir dengan jayanya PTM, kursus Modul Induksi Umum atau Lulus Peperiksaan Am Kerajaan di skim perkhidmatan terdahulu melebihi tempoh lima (5) tahun daripada tarikh lantikan jawatan baharu adalah **TIDAK DILULUSKAN**.

5. PENAMBAHBAIKAN KEDUA:

PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (ePTM)

- 5.1 Selaras dengan tuntutan Transformasi Perkhidmatan Awam dan Pelan Digital Pahang 2021 – 2025, prosedur permohonan PTM sedia ada ini telah disemak semula dan ditambah baik untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan memenuhi keperluan pengumpulan data yang lebih sistematik, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Program Transformasi Minda (ePTM) bagi melancarkan permohonan PTM dan juga selaras dengan usaha untuk mempromosikan pembudayaan ICT serta kesedaran digital di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang termasuk inisiatif pelaksanaan Kerajaan Tanpa Kertas (*Paperless Government*).

- 5.2 Ketua Jabatan dikehendaki memastikan pegawai lantikan baharu **DIWAJIBKAN** membuat permohonan PTM melalui sistem ePTM yang telah dilancarkan oleh pentadbiran ini melalui laman sesawang/portal <https://elatihan.pahang.gov.my/eptm/index.html> selewat-lewatnya 30 hari selepas tarikh melaporkan diri di Jabatan masing-masing.

6. PENILAIAN PTM

- 6.1 Penilaian PTM sepanjang program adalah berdasarkan kepada aktiviti dan kriteria penilaian yang ditetapkan seperti berikut:

BIL	PERKARA	MARKAH (%)
(a)	Disiplin (kehadiran, tingkah laku dan ketetapan masa) Personaliti (etika berpakaian dan komunikasi)	50%
(b)	Komitmen (penglibatan dalam aktiviti dan kerjasama)	30%
(c)	Penilaian Kefahaman	20%
Jumlah Keseluruhan		100%

- 6.2 Pegawai yang telah mengikuti PTM sepenuhnya dan berjaya berasaskan kepada penilaian PTM layak diberikan sijil "Hadir Dengan Jaya PTM". Keputusan "Hadir Dengan Jaya PTM" hendaklah direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang berkenaan.

7. PANEL PENGURUSAN PTM

- 7.1 Semua pegawai lantikan baharu yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang perlu mengikuti PTM yang dianjurkan melalui Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

diselaraskan oleh Panel Pengurusan PTM, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang seperti berikut:

KEANGGOTAAN PANEL PENGURUSAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA DI BAWAH PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG	
Pengerusi	YB Setiausaha Kerajaan Pahang/Timbangan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Ahli	Setiausaha Bahagian, BPSM
Setiausaha	Ketua Penolong Setiausaha, Unit Modal Insan, BPSM
Sekretariat	Urus Setia Unit Modal Insan, BPSM

- 7.2 Tanggungjawab Panel Pengurusan PTM adalah seperti berikut:
- (a) Menetapkan kaedah pelaksanaan program yang bersesuaian;
 - (b) Menimbang dan mengesahkan laporan kehadiran serta laporan penilaian sepanjang program bagi setiap penjawat awam yang menghadiri PTM;
 - (c) Mengeluarkan keputusan pengecualian PTM bagi pegawai yang layak dan memenuhi syarat ditetapkan;
 - (d) Mengeluarkan dan memperakukan sijil kehadiran kepada pegawai yang telah hadir dengan jayanya PTM; dan
 - (e) Menimbang isu-isu berkaitan pelaksanaan PTM.

8. HAL-HAL LAIN

- 8.1 Sebarang kemusykilan atau pertanyaan berhubung dasar atau sistem pengurusan ePTM hendaklah dirujuk kepada Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Blok B, Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan, Pahang atau dalam talian 09-5149496 untuk penjelasan lanjut.

9. PEMAKAIAN


- 9.1 Semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri yang terlibat adalah tertakluk bawah peruntukan Surat Pekeliling ini dan juga selari dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012.

10. TARIKH BERKUAT KUASA

- 10.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"Mudah, Cepat, Telus"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI HAJI ZULKIFLI BIN HAJI YAACOB, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.)

Salinan kepada:

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Semua Ketua Jabatan Negeri Pahang

Semua Pegawai Daerah Negeri Pahang

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Badan Berkanun Negeri

Semua Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit, Pejabat SUK Pahang